

KENYATAAN MEDIA

YAYASAN WAQAF MALAYSIA DAN YAYASAN TAQWA SUMBANG RM110,000 KEPADA MAHASISWA UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Kuala Pilah, 8 Mei 2025 – UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) menerima suntikan kebajikan bernilai RM110,000 daripada Yayasan Waqaf Malaysia dan Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan-MAIWP dalam satu majlis penyerahan sumbangan yang berlangsung di UiTM Kampus Kuala Pilah hari ini.

Majlis berkenaan turut menyaksikan perasmian sebuah kereta buggy oleh Yang Berusaha Dr. Ridzwan Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia, yang hadir mewakili Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd. Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir, Tuan Haji Abdul Aziz bin Abd. Jalal, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan-MAIWP.

Dalam majlis tersebut, mock cheque berjumlah RM30,000 telah diserahkan oleh Yayasan Waqaf Malaysia kepada pihak UiTM bagi pembelian kereta buggy yang akan dimanfaatkan oleh tujuh (7) pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) di Kampus Kuala Pilah. Kemudahan ini dijangka dapat membantu pergerakan pelajar OKU di sekitar kampus, sekali gus menambah baik aspek kebajikan dan aksesibiliti warga universiti. Selain itu, Yayasan Waqaf Malaysia turut menyediakan wang poket berjumlah RM100 kepada setiap pelajar OKU tersebut.

Turut berlangsung ialah penyerahan mock cheque bernilai RM80,000 daripada Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan-MAIWP yang akan diagihkan dalam bentuk wang poket sebanyak RM100 kepada 800 orang pelajar UiTM dari tiga kampus iaitu Kuala Pilah, Rembau dan Seremban. Bantuan ini dilihat mampu meringankan beban kewangan pelajar terutama dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin mencabar.

Pihak UiTM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Perwakilan Pelajar atas usaha awal mengemukakan permohonan pembelian kereta buggy demi menjaga kebajikan rakan-rakan mahasiswa.

Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat dan Sedekah UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang dipengerusikan oleh YBhg. Profesor Dr. Mohd Yamin Yasin, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan, serta Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kampus Kuala Pilah atas peranan dan kerjasama menjayakan program ini.

Pihak pengurusan UiTM merakamkan jutaan terima kasih dan amat menghargai komitmen Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Yayasan Waqaf Malaysia, dan Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan-MAIWP yang begitu prihatin terhadap keperluan dan kebajikan mahasiswa. Sumbangan ini bukan sahaja mencerminkan sinergi antara agensi luar dan institusi pendidikan tinggi, malah menjadi pemangkin semangat pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

Mengenai UiTM

[Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#) ialah universiti komprehensif terbesar di Malaysia yang menyediakan pendidikan inovatif dengan infrastruktur dan teknologi terkini yang merangkumi 34 kampus, 4 kolej pengajian, 13 fakulti dan 9 pusat akademik di seluruh negara.

UiTM menawarkan lebih daripada 500 program akademik di peringkat Asasi, Pra diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan PhD, serta Program Profesional. UiTM sentiasa meluaskan akses pendidikan tinggi dan memainkan peranannya dalam pembinaan negara dengan menyerlahkan potensi, membentuk masa hadapan.

Antara pencapaian terhebat, UiTM berada pada kedudukan ke-105 dalam QS Asia University Rankings 2022, berada pada kedudukan 651-700 dalam QS World University Rankings 2022, serta berada pada kedudukan 361-380 dalam QS World University Rankings: Sustainability 2023 dan ke-4 di Malaysia. Subjek Hospitality and Leisure Management pernah berada pada kedudukan ke-42 terbaik di dunia daripada 14 subjek UiTM lain yang tersenarai dalam penarafan QS World University Rankings by Subject. UiTM turut berada pada kedudukan 101-200 dalam penarafan Times Higher Education Impact Rankings 2022 dan menerima anugerah 3G SDGs Championship Award 2022. Pada Jun 2022, UiTM dipilih sebagai penerima Reader's Digest Trusted Brand Gold Award 2022 kali ke-12 bagi kategori Universiti Awam dan untuk pertama kalinya menerima anugerah The BrandLaureate BestBrands Awards 2022 – The Nation's Pride Higher Education. UiTM berada pada kedudukan ke-150 dalam penarafan UI GreenMetric (UIGM) World University Rankings 2021 dan telah memenangi pingat emas bagi kategori Iklan Kreatif Terbaik pada peringkat antarabangsa dalam QS APPLE Creative Awards 2020 .

Dengan lebih daripada 900,000 alumni dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan, UiTM menawarkan peluang dalam membentuk pemimpin pada peringkat kebangsaan, industri dan global bagi mencapai aspirasi untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025.

PERTANYAAN MEDIA

Pengarah Kanan

Jabatan Komunikasi

Universiti Teknologi MARA

Emel: bkk@uitm.edu.my

Tel: +603 5544 2022